

Indeks Belanjawan Terbuka Malaysia 2024 (MyOBI 2024)

Nischal Ranjinath Muniandy | Alissa Marianne Rode



Penulis



Nischal Ranjinath Muniandy

Nischal Ranjinath Muniandy merupakan seorang Eksekutif Kanan di bawah Unit Kewangan Awam di IDEAS. Beliau ialah graduan pengajian dasar awam dari Universiti Malaya. Beliau berpengalaman menjalankan penyelidikan dalam dasar telekomunikasi, warisan bandar, perumahan, dan pengangkutan. Beliau gemar menaiki pengangkutan awam dan biasanya boleh ditemui menaiki kereta api di sekitar Kuala Lumpur.



Alissa Marianne Rode

Alissa ialah Pengurus Kanan Penyelidikan di IDEAS. Beliau menyelaras pasukan penyelidikan IDEAS dan menyelia penyelidikan dalam tadbir urus awam, ketelusan fiskal, dan reformasi institusi. Bidang penyelidikannya kini adalah mengenai tadbir urus perusahaan milik negara dan pengurusan kewangan awam persekutuan-negeri. Beliau adalah penyelidik utama untuk Malaysia dalam Tinjauan Belanjawan Terbuka 2023. Beliau berpengalaman dalam pelbagai peranan yang melibatkan tadbir urus organisasi bukan berasaskan keuntungan, perancangan strategik, advokasi, dan penyelarasan dasar.

Alissa mempunyai ijazah dalam Kesusasteraan Bahasa Inggeris dari Universiti Nasional Singapura, ijazah dalam Jurisprudens dari Universiti Malaya, dan kelayakan profesional dalam undang-undang.

Hak Cipta © 2024 oleh IDEAS. Hak cipta terpelihara.
Pertama kali diterbitkan pada Julai 2024.

Diterbitkan oleh:
IDEAS Policy Research Berhad (IDEAS)
The Lower Penthouse, Wisma Hang Sam, 1, Jalan Hang Lekir 50000 Kuala Lumpur

www.ideas.org.my
Nombor Pendaftaran: I219187-V

Hak cipta laporan penyelidikan ini adalah milik Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS). Semua atau mana-mana bahagian laporan penyelidikan ini boleh diterbitkan semula dengan syarat pengiktirafan sumber dibuat atau dengan kebenaran IDEAS. IDEAS tidak bertanggungjawab, tidak memberikan jaminan dan tidak menanggung liabiliti, sama ada secara tersurat atau tersirat, atas terbitan semula penerbitan ini yang dilakukan tanpa kebenaran IDEAS.

Laporan ini telah dipinda daripada versi terdahulu untuk membetulkan kesalahan pada halaman 9, baris 4. Ayat sebelum ini berbunyi “Melaka juga turut melakukan penambahbaikan yang penting dalam menerbitkan dokumen Laporan Audit yang telah menyumbang kepada peningkatan skor bagi negeri tersebut.

Diterjemah daripada Bahasa Inggeris oleh Hazman Baharom, disunting oleh Zuhdi Farhan

Reka bentuk dan reka letak: Norhayati Murni Misran
Gambar kulit di muat turun daripada: <https://www.freepik.com>



Penerbitan ini dibiayai oleh Kesatuan Eropah. IDEAS mengambil tanggungjawab sepenuhnya ke atas isi kandungan penerbitan ini dan ia tidak semestinya mencerminkan pandangan Kesatuan Eropah.

Penghargaan

Program latihan untuk rakan kongsi yang menyemak dan menilai metodologi penyelidikan telah diketuai oleh IDEAS. Mereka ialah Alissa Marianne Rode (Pengurus Kanan) and Arieff Najmuddin (Eksekutif) di bawah bimbingan dan nasihat daripada Sri Murniati Yusuf (Pengarah Kanan Penyelidikan). Kami mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada YB Michelle Ng, Ahli Dewan Negeri Selangor dan Puan Zirawati Kadir, Pengarah Audit Selangor di bawah Jabatan Audit Negara kerana telah memberikan buah fikiran yang amat bernilai berkenaan belanjawan negeri serta proses-proses audit kepada rakan-rakan kongsi sepanjang proses penilaian berlangsung.

Kami juga ingin berterima kasih kepada rakan-rakan kongsi yang telah membantu menyemak metodologi soal selidik MyOBI 2024. Mereka terdiri daripada Sinar Project, sebuah inisiatif teknologi sivik yang bertujuan meluaskan akses data terbuka untuk rakyat Malaysia, dan Samahi Research, sebuah badan pemikir yang beroperasi di Sudan Selatan dan wilayah Afrika Timur. Samahi Research juga ialah rakan kongsi kepada International Budget Partnership yang menjalankan Tinjauan Belanjawan Terbuka di Sudan Selatan. Kami turut ingin menyampaikan penghargaan kepada para pewasit dan rakan kongsi MyOBI yang telah bertungkus-lumus memastikan proses penilaian yang andal bagi setiap negeri. Pujian perlu diberikan kepada pihak Terengganu Strategic and Integrity Institute (TSIS) kerana telah menjadi wakil negeri yang pertama memberikan maklum balas terhadap penilaian negeri tersebut. Komentor daripada pihak negeri-negeri adalah amat berharga kerana ia menjadi panduan terhadap lokasi terletaknya dokumen-dokumen berkaitan. Ia turut menjadi petunjuk kepada pendekatan proaktif mereka dalam isu ketelusan belanjawan negeri.

IDEAS ingin berterima kasih kepada rakan-rakan kongsi kami yang telah menjalankan penilaian Indeks Belanjawan Terbuka Malaysia untuk negeri-negeri berikut:

Nama	Organisasi	Negeri Yang Dinilai
Nur Farhanah Binti Zainor	Dewan Muda Johor	Johor
Puteri Aida Sakeena Binti Abdul Majid	MyHutan (Undi 18), IRSOC (UM), The Planet Prodigy (UM), Persatuan Penduduk Bukit Raja	Kedah
Muhammad Aqil Iqbal Bin Mohd Zulkiffli	Angkatan Belia Islam Malaysia, Cawangan Negeri Kelantan (ABIM Kelantan)	Kelantan
Samron Dorai A/L Charles Joseph Thangadorai	Runding Institute of Sarawak	Melaka
Muhammad Syafiq Haiqal Bin Supaizam Muhammad Aiman Bin Ali	Mahasiswa Anak Johor USIM	Negeri Sembilan
Qamelia Binti Mohd Shamsudin	Suara Siswa Universiti Malaya	Pahang
Dylan Dev Natasha Maya	Monash Political Awareness Club (MONPAC)	Penang
Tanpa Nama	-	Perak
Muhammad Azril Bin Alias	Persatuan Kecemerlangan dan Pembangunan Perlis	Perlis
Robert Hii and Tan Teik Jiao	Society for Equality, Respect And Trust for All Sabah (SERATA)	Sabah

Nama	Organisasi	Negeri Yang Dinilai
Suraya Binti Bujang	Persatuan Sosial PurpleLily Kuching	Sarawak
Adam Azrai Bin Mazli	Malaysian United Democratic Alliance (MUDA)	Selangor
Muhammad Hanif Bin Yahaya and Anas Hasbullah	Pertubuhan IKRAM Malaysia	Terengganu

IDEAS ingin turut menyampaikan penghargaan kepada para pewasit tanpa nama yang telah melakukan semakan bebas terhadap skor-skor yang diberikan. Para pewasit telah diundang daripada organisasi masyarakat sivil melibatkan bidang kepakaran berkaitan, bekas-bekas rakan kongsi penilaian MyOBI yang terlatih sebelum ini, atau orang persendirian yang berpengalaman tentang tanda aras ketelusan mengikut Tinjauan Belanjawan Terbuka.




Isi Kandungan

Penulis	ii
Hak cipta	iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	vi
Ringkasan Eksekutif	viii
Pendahuluan	I
Latar Belakang	2
Kebolehcapaian Awam	3
1. Cadangan Belanjawan Eksekutif (Executive Budget Proposal, EBP)	3
2. Enakmen Perbekalan (Enacted Budget, EB)	4
3. Laporan Akhir Tahun (Year End Report, YER)	4
4. Laporan Audit (Audit Report, AR)	4
Pemantauan	5
Penglibatan Awam	5
Metodologi	6
Dapatan Utama	7
1. Kebolehcapaian Awam	7
2. Pemantauan	12
3. Penglibatan Awam	17
Saranan	20
Senarai Rujukan	23
Lampiran	23

Ringkasan Eksekutif

Usaha Penilaian MyOBI adalah bertujuan untuk menganalisis tahap ketelusan dalam proses merangka belanjawan negeri. Ia dilakukan dengan cara menentusahkan capaian terhadap dokumen penting belanjawan, ketepatan masa penerbitan dokumen tersebut, peranan Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk menjalankan pemantauan sepanjang proses merangka belanjawan, dan tahap kemampuan orang awam untuk turut terlibat secara aktif dalam proses tersebut.

Hasil penyelidikan ini secara umum menunjukkan bahawa terdapat sebilangan kerajaan negeri yang masih tidak cukup memastikan keterbukaan capaian terhadap maklumat berkaitan belanjawan kepada orang awam. Bukan itu sahaja, tahap pemantauan oleh pihak DUN semasa proses merangka belanjawan tersebut juga adalah tidak memuaskan. Indeks ini akan membantu untuk mengenal pasti beberapa tindakan reformasi yang penting untuk dijalankan dengan segera dan mudah demi menambah baik tahap ketelusan dan pemantauan belanjawan.



61 - 100	Tahap Dedahan Tinggi
41 - 60	Tahap Dedahan Minimum
0 - 40	Tahap Dedahan Tidak Memuaskan

Skor Kebolehcapaian Orang Awam

Dari sudut Kebolehcapaian Orang Awam, negeri Terengganu dan Selangor mendapat skor tertinggi menurut penilaian MyOBI. Pada masa yang sama, negeri Kedah dan Pahang mendapat skor terendah. Negeri Sarawak dan Melaka pula mencatatkan peningkatan terbesar dalam prestasi masing-masing. Hal ini disebabkan kedua negeri tersebut mula menjadikan dokumen penting berkenaan belanjawan dapat dicapai oleh orang awam melalui laman sesawang kerajaan negeri. Namun, tiada satu negeri pun yang telah menerbitkan semua dokumen belanjawan masing-masing. Hakikatnya, ketelusan belanjawan adalah masih di tahap corot, kerana 6 buah negeri tidak langsung menerbitkan Anggaran Belanjawan masing-masing.

Skor Pemantauan

Dari aspek Pemantauan, Selangor, Terengganu, dan Sabah mendapat skor tertinggi dalam penilaian MyOBI ini, manakala Perak dan Perlis memperoleh skor terendah. Semua negeri berjaya mencatatkan peningkatan skor kerana bilangan sesi DUN semakin bertambah dan penyerahan dokumen belanjawan adalah menepati waktu. Dalam laporan MyOBI 2022, beberapa negeri mencatatkan skor rendah sebahagiannya kerana proses penilaian ketika itu dijalankan di bawah kekangan rentetan wabak COVID-19 yang mengehendkan bilangan sesi DUN. Hal ini menunjukkan bahawa meskipun terdapat peningkatan skor, peranan DUN

dalam aspek pemantauan kekal bersifat relatif lemah, dan terdapat banyak perkara yang boleh diperbaiki lagi.

Penglibatan Awam

Pada saat ini, hanya ada beberapa negeri sahaja yang membuka peluang supaya orang awam atau organisasi masyarakat sivil turut serta berperanan secara aktif dalam proses berkaitan belanjawan. Hanya Negeri Sembilan dan Pahang yang menyediakan mekanisme untuk orang awam memberikan maklum balas terhadap proses merangka dan pelaksanaan belanjawan. Negeri Melaka, Selangor, dan Terengganu pula hanya menyediakan mekanisme maklum balas untuk proses merangka belanjawan semata-mata. Pun begitu, semua negeri telah menyebarkan maklumat tentang prosiding belanjawan melalui media sosial. Ucapan belanjawan telah disebarkan melalui khidmat penstriman langsung, dan hal ini telah menjadikan proses belanjawan tersebut berada di satu tahap ketelusan dan kebolehcapaian yang baik kepada masyarakat awam.

Aspek ini tidak diletakkan skor buat masa sekarang. Pihak kami menjangkakan bahawa akan adanya usaha penambahbaikan berterusan dalam aspek ini supaya masyarakat awam dapat berperanan aktif dalam proses pentadbiran dan bukan sekadar mendapat maklumat yang lebih tentang kerajaan negeri masing-masing semata-mata. Rakyat mesti diberikan ruang untuk turut serta, bukan setakat menjadi penonton dalam proses pentadbiran negeri.

Saranan Utama

Kebolehcapaian Kepada Orang Awam

- Kerajaan negeri hendaklah memastikan dokumen Cadangan Belanjawan Eksekutif (EBP) boleh dicapai oleh orang awam pada tempoh waktu yang tepat.
- Anggaran Hasil dan Perbelanjaan dalam “Buku Belanjawan/Bajet” hendaklah diterbitkan bagi memastikan masyarakat awam dapat memahami dengan lebih mendalam butiran tentang hasil dan perbelanjaan negeri.

Pemantauan

- Pihak kerajaan negeri dan DUN hendaklah memastikan bahawa hansard bagi setiap sesi persidangan DUN boleh dicapai secara dalam talian dan sentiasa dikemas kini.
- Rekod Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri (PAC) hendaklah sentiasa dikemas kini, termasuklah senarai anggota PAC dan rekod tentang semua perbincangan dalam sesi mesyuarat PAC demi ketelusan yang lebih baik.

Penglibatan Awam

- Hendaklah terdapatnya mekanisme supaya orang awam dan organisasi masyarakat sivil dalam memberi komentar dan maklum balas semasa proses merangka dan melaksanakan belanjawan negeri.
- Forum dan perjumpaan bersama orang awam hendaklah dilaksanakan untuk menyebarkan maklumat tentang belanjawan dan memastikan adanya dialog dua hala antara kerajaan dengan masyarakat awam.
- Jawatankuasa pilihan yang berkuasa memanggil penjawat awam negeri hendaklah dibentuk. Jawatankuasa tersebut juga dapat menjalankan sesi pendengaran bersama masyarakat awam serta organisasi masyarakat sivil supaya mereka dapat memberi maklum balas kepada kerajaan negeri.



Pendahuluan

Pada tahun 2022, IDEAS telah menerbitkan Indeks Belanjawan Terbuka Malaysia (MyOBI) untuk menjelaskan betapa perlunya ketelusan yang lebih baik dalam proses melibatkan belanjawan negeri. Indeks ini merupakan sebahagian daripada respons pihak kami terhadap ruang demokrasi yang lebih luas hasil daripada perubahan politik selepas berlangsungnya Pilihan Raya Umum pada tahun 2018. Kerajaan turut berubah rentetan pilihan raya tersebut. Pihak kami percaya bahawa ruang wacana awam yang lebih terbuka dapat menjadi lebih bermakna jika organisasi masyarakat sivil bersama-sama orang awam diberikan pendedahan yang lebih terhadap maklumat-maklumat penting. Hal ini bagi memastikan mereka lebih bersedia untuk terlibat dalam proses demokratik. Selepas tahun 2018, pandemik COVID-19 telah melanda sebelum berkembangnya realiti politik berbilangparti berikutan Pilihan Raya Umum pada tahun 2022. Perkembangan ini telah menuntut supaya kerajaan menjadi lebih telus dan berakuntabiliti, apatah lagi dengan adanya peluang yang luas untuk lebih ramai orang mencapai maklumat. Untuk mengisi ruang tersebut, indeks ini telah disusun dan diterbitkan. Ia meletakkan fokus terhadap ketelusan belanjawan untuk meningkatkan penglibatan rakyat di peringkat kerajaan negeri.

Indeks Belanjawan Terbuka Malaysia (MyOBI) merupakan sebuah alat bantu untuk melakukan penandaarasan terhadap ketelusan belanjawan negeri, seterusnya mengenal pasti ruang penambahbaikan. Soalan yang telah diajukan dalam soal selidik MyOBI adalah berpandukan amalan terbaik antarabangsa berkaitan ketelusan belanjawan. Respons yang diberikan terhadap soalan tersebut pula mampu menjadi indikator bagi tahap ketelusan sedia ada di sesebuah negeri tertentu berserta tindakan susulan yang boleh dijalankan untuk menambah baik tahap ketelusan tersebut.

Kajian yang telah dijalankan berkaitan ketelusan belanjawan dan pengurusan fiskal menunjukkan bahawa terdapatnya hubungan positif antara ketelusan belanjawan yang lebih tinggi dengan tahap kebolehpercayaan institusi yang lebih kuat, hasil dasar fiskal yang lebih berkesan, serta pengagihan sumber yang lebih baik (Ferreira & Guerrero, 2022, 18-20). Jika rakyat dapat memantau dan meneliti butiran perbelanjaan kerajaan, kebarangkalian untuk berlakunya masalah korupsi dan penyelewengan dana dapat dikurangkan. Hal ini kerana, para penjawat awam akan kurang terlibat dengan aktiviti korupsi jika mereka tahu bahawa mereka sedang dipantau. Usaha sebegini akan turut meningkatkan kredibiliti

belanjawan negeri kerana pihak kerajaan negeri tahu bahawa hasil serta progres dasar yang dijalankan itu hakikatnya sedang dipantau secara aktif oleh masyarakat awam yang bermaklumat. Walhasil, pelaksanaan program kerajaan akan menjadi lebih berkesan. Melalui penglibatan orang awam yang aktif, orang awam sendiri akan mampu menentukan objektif dasar kerajaan dengan lebih bermakna. Mereka juga dapat memastikan bahawa reka bentuk dasar kerajaan adalah lebih sesuai dengan keperluan masyarakat awam pada satu-satu masa, justeru membawa kepada hasil pembangunan yang lebih mapan.

Soal selidik MyOBI telah dibina berdasarkan penanda aras ketelusan belanjawan antarabangsa yang telah disusun oleh pihak International Budget Partnership (IBP) yang telah bertanggungjawab menerbitkan Tinjauan Belanjawan Terbuka(OBS). OBS ialah sebuah kaji selidik peringkat global yang menilai tahap ketelusan, pemantauan, dan penglibatan awam dalam proses belanjawan. Setelah pihak kami membina soal selidik tersebut, draf awalnya telah dikongsi bersama pihak IBP dan organisasi lain yang menjalankan penilaian tahap ketelusan belanjawan di peringkat dalam negara. Malah, respons soal selidik tersebut juga telah melalui proses pewasitan sebanyak beberapa kali, termasuklah pewasitan dalaman dan pewasitan setara oleh individu yang lebih memahami proses belanjawan negeri. Hal ini dilakukan bagi memastikan proses tersebut telus dan tekal.

Melalui penyusunan indeks ini, pihak kami berharap supaya ia dapat menjadi sebuah penanda aras ketelusan belanjawan di peringkat nasional, malah dapat menggalakkan pihak kerajaan negeri untuk menerbitkan maklumat berkaitan belanjawan secara dalam talian. Pihak kami berharap agar penanda aras ini turut dapat menggalakkan rakyat terbanyak untuk memanfaatkan maklumat yang diterbitkan dengan tujuan menganalisis dasar kerajaan negeri, memantau keberkesanan perkhidmatan, bahkan untuk mendesak supaya tahap akauntabiliti dipertingkatkan. Pada masa hadapan, pihak IDEAS berhasrat untuk mengembangkan lagi kerangka penandaarasan MyOBI dari sudut kebolehcapaian maklumat belanjawan yang terperinci dan komprehensif. Seterusnya, pihak kami mahu menuntut pihak kerajaan negeri untuk berusaha meningkatkan tahap akauntabiliti belanjawan masing-masing.

Hasil soal selidik kami mendapati bahawa pihak kerajaan negeri masih tidak bersungguh-sungguh untuk memastikan pendedahan maklumat berkaitan belanjawan yang mencukupi kepada orang awam. Malah, tahap pemantauan yang dijalankan oleh pihak DUN semasa proses merangka belanjawan negeri juga masih berada di tahap yang tidak memuaskan. Indeks ini akan membantu mengenal pasti beberapa tindakan reformasi penting yang boleh dilakukan secara pantas dan mudah demi menambah baik tahap ketelusan serta pemantauan dalam proses belanjawan.

Laporan berikut akan membahaskan dapatan awal penilaian MyOBI 2024 bersama-sama tindakan reformasi yang berpotensi untuk dilaksanakan.

Latar Belakang

Indeks Belanjawan Terbuka Malaysia (MyOBI) merupakan sistem penilaian bandingan terhadap ketelusan belanjawan negeri. Ia dibina berdasarkan penanda aras peringkat antarabangsa yang telah ditetapkan oleh International Budget Partnership melalui Tinjauan Belanjawan Terbuka(OBS). Soal selidik yang telah kami jalankan ini menilai kebolehcapaian awam terhadap maklumat belanjawan kerajaan negeri dan peranan institusi pemantau seperti Dewan Undangan Negeri (DUN) bersama juruaudit negeri.

Indeks ini telah dibina menggunakan 30 soalan berbentuk penilaian yang telah dibahagikan mengikut 3 komponen utama:

- **Kebolehcapaian Awam:** Terdapat 16 soalan yang bertujuan untuk menilai kebolehcapaian dan tahap capaian orang awam terhadap dokumen belanjawan kerajaan negeri.
- **Pemantauan:** Terdapat 8 soalan yang bertujuan untuk menilai keberkesanan DUN dalam peranannya memantau proses belanjawan.
- **Penglibatan Awam:** Terdapat 6 soalan yang bertujuan untuk menilai kemampuan orang awam untuk memberi sumbang saran yang bermakna dan bermaklumat terhadap proses belanjawan.

Soalan ini berbentuk penilaian dalam bentuk skala 0-100. Ia terdiri daripada 16 soalan dengan 4 pilihan, 12 soalan dengan 2 pilihan, dan 2 soalan yang memerlukan para penyelidik untuk menulis jawapan pendek. Skor keseluruhan dalam setiap kategori ialah nilai purata bagi semua soalan yang dinilai dalam kategori tersebut. Daripada 30 soalan, 15 soalan dinilai untuk menentukan skor bagi kategori Kebolehcapaian Awam dan 6 soalan dinilai bagi menentukan skor kategori Pemantauan. Soalan tanpa skor adalah untuk mendapatkan maklumat dan menjalankan analisis kajian. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk nota Metodologi yang boleh diakses di www.pantauwangkita.com

Penglibatan awam ialah kategori baharu dan tidak mempunyai skor buat masa ini. Hal ini kerana, kumpulan penyelidik metodologi telah memutuskan untuk hanya mengumpulkan maklumat penting tentang tahap aktiviti negeri sahaja bagi kategori ini. Maklumat ini akan dimanfaatkan untuk membina soalan-soalan penanda aras semasa kitaran baharu MyOBI pada masa depan.

Kebolehcapaian Awam

Soalan dalam kategori Kebolehcapaian Awam bertujuan untuk menilai kebolehcapaian terhadap dokumen penting belanjawan oleh orang awam. Hal ini bagi memastikan proses belanjawan adalah telus dan masyarakat awam boleh mendapatkan maklumat tentang keutamaan perbelanjaan dan sumber hasil kerajaan negeri masing-masing. Selain kebolehcapaian awam terhadap dokumen tersebut, soalan ini turut menilai sama ada dokumen telah diterbitkan tepat pada masa yang ditetapkan.

Hal ini bagi memastikan bahawa terdapatnya masa yang cukup untuk masyarakat awam membahaskan hal ini secara bermaklumat dan kritis. Proses penerbitan dan pelaporan dokumen tersebut dinilai dalam laporan MyOBI ini.

I. Cadangan Belanjawan Eksekutif (Executive Budget Proposal, EBP)

Dokumen ini ialah sebuah dokumen komprehensif yang menyenaraikan pelan perbelanjaan pihak kerajaan negeri untuk tahun belanjawan tersebut. Ia diserahkan kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) untuk diluluskan. Kandungannya ialah:

1. Ucapan belanjawan oleh ketua Badan Eksekutif (Menteri Besar/Ketua Menteri).
2. Rang undang-undang yang akan dibahas dan diluluskan oleh DUN.
3. Anggaran perbelanjaan dan hasil negeri. Dokumen ketiga ini lazimnya dirujuk sebagai "Buku Belanjawan." Kandungan buku ini ialah anggaran hasil terkumpul dan perbelanjaan negeri secara terperinci.

Dokumen ini hanya boleh dianggap sebagai memiliki kebolehcapaian tinggi jika ia boleh dicapai dengan bebas oleh masyarakat awam daripada laman sesawang kerajaan negeri atau DUN masing-masing. Ia juga tidak patut mempunyai kata laluan atau kekangan lain yang mengehadkan kebolehcapaian masyarakat terhadapnya. Dokumen sebegini tidak patut hanya boleh diakses oleh para ADUN semata-mata, atau hanya boleh diakses oleh individu daripada masyarakat awam hanya jika individu tersebut memohon maklumat itu.

Di samping itu, dokumen tersebut mestilah dipastikan boleh diakses sepanjang tempoh penilaian. Jika ada dokumen yang digugurkan dan tidak boleh lagi diakses semasa tempoh penilaian berlangsung, ia tidak akan dikira dalam skor penilaian bagi negeri tersebut. Dokumen yang dimuat naik hanya setelah berakhirnya tempoh penilaian akan dikira berdasarkan kes demi kes, tetapi tetap tidak akan dikira dalam penilaian skor berkaitan ketepatan waktu. Hal ini kerana, selain kebolehcapaian terhadap dokumen belanjawan yang penting, MyOBI turut menilai tahap ketepatan waktu sebagai sebahagian daripada skor bagi kategori Pemantauan. Proses ini termasuklah ketika mana usul belanjawan dibentangkan di DUN, bilakah dokumen penting belanjawan diterbitkan, dan bilakah dokumen tersebut dimuat naik ke laman sesawang rasmi kerajaan negeri.

2. Enakmen Perbekalan (Enacted Budget, EB)

Setelah usul belanjawan tadi dibahaskan, dipinda, dan diluluskan oleh DUN, ia lazimnya dirujuk sebagai Enakmen Perbekalan. Umumnya, ia merupakan rang undang-undang perbekalan yang telah diluluskan oleh DUN selepas usul belanjawan dibentangkan oleh Badan Eksekutif negeri.

Kebolehcapaian dokumen ini ditentukan berdasarkan penerbitan ordinan atau enakmen perbekalan di laman sesawang kerajaan negeri.

3. Laporan Akhir Tahun (Year End Report, YER)

Laporan Akhir Tahun (YER) ialah sebuah dokumen yang memperincikan butiran latar belakang belanjawan. Hal ini termasuklah hasil yang berjaya dipungut bersama-sama perbelanjaan kerajaan. Selain itu, terdapat juga maklumat tentang tahap kesihatan kewangan bagi akaun kerajaan pada akhir tahun fiskal yang lalu.

4. Laporan Audit (Audit Report, AR)

Laporan Audit (AR) ialah sebuah dokumen yang diterbitkan oleh Jabatan Audit Negara, dan laporan tersebut dikenali sebagai Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Laporan tersebut menilai ketepatan penyata kewangan kerajaan negeri, kepatuhan negeri terhadap undang-undang dan peraturan sedia ada, serta tahap kesihatan kewangan agensi dan entiti kerajaan.

Selain itu, kebolehcapaian awam juga bermaksud dokumen tersebut hendaklah dapat dicapai dalam satu tempoh waktu yang memungkinkan penglibatan dan pemantauan yang bermakna oleh orang awam. Contohnya, sesebuah negeri itu akan menerima skor "0" dalam aspek EBP jika dokumen tersebut hanya diterbitkan selepas ia diluluskan. Hal ini kerana, teks dokumen tersebut adalah perlu dalam proses perbincangan dan timbang tara terhadap belanjawan tersebut. Dari sudut ketepatan waktu pula, proses penerbitan dan pelaporan melibatkan dokumen berikut akan dinilai dalam penilaian MyOBI ini:

- Cadangan Belanjawan Eksekutif (EBP) dan Enakmen Perbekalan (EB) untuk tahun 2024
- Laporan Akhir Tahun (YER) untuk tahun 2022
- Laporan Audit (AR) untuk tahun 2021

Jadual 1: Piawaian Ketepatan Waktu

Dokumen Belanjawan	Penerbitan Tepat Waktu Menurut Piawaian OBS	Bagaimana Piawaian OBS Digunakan Untuk Tahun Belanjawan Malaysia
Cadangan Belanjawan Eksekutif (EBP)	<ul style="list-style-type: none"> • Sebelum ia diluluskan oleh Badan Legislatif • 2 (Dua) bulan sebelum tahun fiskal 	<ul style="list-style-type: none"> • Sebelum ia diluluskan oleh DUN • Sebelum 1 November <p>EBP 2024 sepatutnya diterbitkan dalam tempoh antara 1 Oktober – 31 Disember 2023</p>
Enakmen Perbekalan (EB)	<ul style="list-style-type: none"> • Sebelum Tahun Belanjawan bermula • Dalam tempoh 2 (dua) minggu selepas ia diluluskan oleh DUN 	<ul style="list-style-type: none"> • Sebelum 1 Januari setiap tahun <p>EB untuk tahun 2024 sepatutnya diterbitkan sebelum 1 Januari 2024</p>
Laporan Akhir Tahun (YER)	<ul style="list-style-type: none"> • Dalam tempoh 6 (enam) bulan selepas berakhirnya tahun fiskal 	<ul style="list-style-type: none"> • Antara bulan Januari – Jun setiap tahun <p>YER tahun 2022 sepatutnya diterbitkan antara bulan Januari – Jun 2023.</p>
Laporan Audit (AR)	<ul style="list-style-type: none"> • Dalam tempoh 9 (sembilan) bulan selepas berakhirnya tahun fiskal 	<p>Antara bulan Januari -September setiap tahun</p> <p>AR tahun 2021 sepatutnya diterbitkan antara bulan Januari – September 2021</p>

Pemantauan

Soalan yang melibatkan aspek Pemantauan adalah bertujuan untuk menilai ketepatan waktu pembentangan belanjawan kepada DUN bagi memastikan terdapat masa yang cukup untuk perbahasan yang bermakna dijalankan sebelum berakhirnya tahun fiskal. Soal selidik ini turut mengambil kira sama ada semakan terhadap laporan audit pada tahun-tahun sebelumnya telah dijalankan dan dilaporkan, sama ada oleh pihak Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri (PAC) atau pihak Jawatankuasa Pilihan yang lain dengan bidang kuasa yang setara. Untuk memenuhi syarat MyOBI 2024, sebuah laporan yang boleh diakses oleh orang awam wajib diterbitkan. Laporan ini mestilah menunjukkan bahawa pihak PAC telah pun menilai kandungan Laporan Audit 2021 sebelum bulan Jun 2023.

Penglibatan Awam

Aspek Penglibatan Awam akan mengukur sejauh mana capaian golongan masyarakat awam dan organisasi masyarakat sivil kepada maklumat berkaitan proses belanjawan. Selain itu, ia juga menilai tahap kemampuan mereka untuk terlibat secara aktif dalam merangka belanjawan negeri. Kayu ukurnya termasuklah kewujudan mekanisme yang memungkinkan orang awam untuk memberi input semasa proses merangka belanjawan tahunan, dan menyampaikan hasrat serta keutamaan mereka ketika mana

belanjawan tersebut masih di peringkat perangkaan. Kemudian, semasa proses pelaksanaan belanjawan, ia juga dapat memastikan golongan orang awam dapat menuntut akauntabiliti sekiranya sumber yang diagihkan dalam belanjawan diselewengkan atau tidak diuruskan dengan baik.

Untuk meningkatkan penglibatan awam dalam proses belanjawan, pengumpulan input daripada masyarakat awam adalah penting supaya keputusan tentang kandungan belanjawan yang bermakna dapat dicapai. Usaha ini boleh dilakukan melalui borang dalam talian, forum awam, saluran maklum balas dalam talian, dan media sosial. Inisiatif sebegini sepatutnya dijalankan sama ada oleh pihak agensi Badan Eksekutif negeri, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO), atau pihak kerajaan negeri itu sendiri. Ia tidak sepatutnya menjadi tanggungjawab yang hanya dipikul oleh mana-mana wakil rakyat di negeri tersebut. Hal ini adalah penting bagi memastikan proses ini diinstitusikan dan akan kekal berlangsung meskipun terdapatnya perubahan kerajaan atau wakil rakyat.

Metodologi

Pihak IDEAS telah bekerjasama dengan 15 orang individu di negeri berbeza untuk menjalankan penilaian atas kapasiti sebagai penyelidik. Walaupun ramai di antara mereka berhubung kait dengan mana-mana organisasi tempatan, mereka menjalankan penilaian ini sebagai warganegara yang bebas dan tidak berkepentingan. Sebelum penilaian ini dijalankan, para penyelidik tersebut perlu menghadiri sesi latihan berkenaan ketelusan belanjawan dan proses belanjawan di Malaysia. Ketika mana penilaian sedang berlangsung pula, pihak IDEAS mengadakan mesyuarat berkala supaya mereka dapat bertanya soalan berkenaan soal selidik, mendapatkan gambaran jelas tentang metodologi, dan berkongsi jika terdapatnya apa-apa isu berbangkit.

Selepas para penyelidik tersebut menyelesaikan penilaian mereka, pihak IDEAS akan menghantar hasil soal selidik kepada para pewasit setara dan pihak kerajaan negeri untuk mendapatkan ulasan lanjut. Para pewasit tersebut adalah lebih berpengalaman dengan sistem pengurusan belanjawan Malaysia, dan mereka akan menjalankan semakan lanjut. Malangnya, hanya Kerajaan Negeri Terengganu bersetuju untuk menjalankan semakan terhadap hasil soal selidik melalui badan pemikir negeri, Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS). Kami berharap dalam penilaian-penilaian akan datang, respons yang akan diterima adalah lebih baik supaya skor yang diberikan itu mencerminkan amalan semasa yang sebenar secara tepat.

Seterusnya, skor dikira daripada purata semua soalan yang perlu dijawab dalam satu-satu kategori. Skor untuk kategori Kebolehcapaian Awam adalah dikira daripada nilai purata soalan dalam bahagian Cadangan Belanjawan Eksekutif, Enakmen Perbekalan, Laporan Akhir Tahun, dan Laporan Audit. Untuk kategori Pemantauan pula, skor akan dikira melalui purata bagi soalan yang terdapat di bahagian Pemantauan. Soal selidik tersebut turut diperbaiki dan digilap menjadi bentuk sedia ada supaya ia dapat menjadi lebih persis dan soalan berkaitan Penglibatan Awam dapat dimasukkan bersama. Soalan tentang Penglibatan Awam inilah yang mengukur kemampuan masyarakat awam dan organisasi masyarakat sivil untuk turut serta, seterusnya saling terlibat dalam proses belanjawan negeri secara bermaklumat dan bermakna. Dalam soal selidik tahun ini, soalan berkaitan Penglibatan Awam tidak diberikan skor, tetapi dijadikan panduan untuk mengenal pasti aktiviti kerajaan negeri dalam aspek ini.

Untuk maklumat lanjut tentang metodologi dan bagaimana skor tersebut dikira, sila rujuk nota metodologi yang telah diterbitkan di www.pantauwangkita.com

Dapatan Utama

Kategori Kebolehcapaian Awam dan Pemantauan diberikan skor secara berasingan dalam MyOBI. Atas sebab ini, kedua-dua kategori ini akan dibincangkan secara berasingan di bahagian ini.


I. Kebolehcapaian Awam

Skor Kebolehcapaian Awam mengukur setakat manakah tahap kebolehcapaian dokumen penting berkaitan belanjawan oleh masyarakat awam. Negeri Terengganu dan Selangor sama-sama menduduki tempat pertama dalam ketelusan belanjawan negeri, diikuti oleh Negeri Sembilan. Kedah dan Pahang pula merupakan negeri dengan skor terendah dalam aspek ini, manakala Melaka dan Sarawak pula menunjukkan peningkatan berbanding MyOBI 2022. Skor purata bagi kategori Kebolehcapaian Awam telah merosot sedikit ke 49 mata, berbanding skor purata sebanyak 53 mata dalam penilaian MyOBI sebelum ini.

Berdasarkan hasil keseluruhan penilaian MyOBI, pihak kerajaan negeri perlu menggandakan usaha untuk memastikan dokumen penting belanjawan dan maklumat terperinci berkenaan belanjawan dapat diakses oleh orang awam. Kebanyakan negeri telah pun menerbitkan dokumen Cadangan Belanjawan Eksekutif yang berkaitan seperti Teks Ucapan Belanjawan bersama dokumen Laporan Audit. Namun, usaha dan penekanan yang sama tidak diberikan untuk menerbitkan dokumen berkaitan Enakmen Perbekalan dan Laporan Akhir Tahun.

Hanya tujuh daripada 13 negeri menerbitkan anggaran belanjawan yang menunjukkan perincian hasil dan perbelanjaan negeri masing-masing. Dalam soal selidik kali ini, tiada satu negeri pun yang berjaya menerbitkan semua dokumen berkaitan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Terengganu hampir memenuhi semua syarat ini apabila hanya satu dokumen yang gagal diterbitkan oleh negeri tersebut, iaitu Laporan Akhir Tahun.

Graf I: Skor Kebolehcapaian Awam Mengikut Negeri



Nota:



Ranking

61 - 100	Tahap Dedahan Tinggi
41 - 60	Tahap Dedahan Minimum
0 - 40	Tahap Dedahan Tidak Memuaskan

Tahap Dedahan Tinggi: Negeri **Terengganu, Selangor, Negeri Sembilan,** dan **Perak** telah berhasil menerbitkan data terperinci tentang perbelanjaan dan hasil negeri. Dari sudut perbelanjaan, negeri Terengganu, Selangor, dan Negeri Sembilan menonjol kerana telah menerbitkan data tentang perbelanjaan operasi mengikut klasifikasi ekonomi, manakala Terengganu turut menyediakan data terperinci tentang perbelanjaan negeri sehingga ke peringkat program. Terengganu juga wajar dipuji kerana ia merupakan satu-satunya negeri setakat ini yang menerbitkan dokumen Cadangan Belanjawan Eksekutif secara konsisten. Kesemua empat negeri yang disebutkan itu menerbitkan pecahan anggaran hasil negeri secara terperinci.

Tahap Dedahan Minimum: Negeri **Melaka, Johor, Sarawak, Sabah,** dan **Pulau Pinang** berbeza dari sudut tahap perincian dan jenis dokumen belanjawan yang boleh diakses oleh orang awam. Satu-satunya dokumen Cadangan Belanjawan Eksekutif yang dibuka aksesnya untuk orang awam oleh Pulau Pinang dan Sabah ialah Teks Ucapan Belanjawan. Malangnya, teks tersebut tidak mempunyai pecahan data yang terperinci tentang anggaran hasil dan perbelanjaan negeri untuk Tahun Belanjawan tersebut.

Negeri **Melaka** dan **Sarawak** pula menonjol dalam kategori ini kerana telah melakukan penambahbaikan yang ketara semenjak adanya penilaian MyOBI. Antara penambahbaikan terpenting mereka adalah dari sudut penerbitan dokumen Cadangan Belanjawan Eksekutif dan perincian penting belanjawan tersebut. Melaka juga turut melakukan penambahbaikan yang penting dalam menerbitkan dokumen Laporan Akhir Tahun yang telah menyumbang kepada peningkatan skor bagi negeri tersebut.

Tahap Dedahan Tidak Memuaskan: Perlis, Kelantan, Kedah, dan Pahang hanya menerbitkan sedikit sahaja dokumen berkenaan belanjawan. Secara khususnya, Kedah dan Kelantan tidak membuka akses dokumen Cadangan Belanjawan Eksekutif kepada orang awam. Meskipun Pahang menerbitkan Teks Ucapan Belanjawannya, arkib dokumen ini adalah tidak cukup lengkap. Negeri-negeri di atas berada dalam kategori ini kerana skor mereka adalah rendah dalam kedua-dua aspek iaitu Cadangan Belanjawan Eksekutif dan Laporan Akhir Tahun. Skor ini adalah jelas jika dibandingkan dengan negeri yang berada dalam kumpulan “Tahap Dedahan Minimum” yang menerima skor secara relatifnya tinggi dalam satu aspek, tetapi rendah dalam aspek yang lain.

Kelantan perlu disebutkan kerana ia merupakan satu-satunya negeri yang meletakkan kata laluan untuk mengakses satu dokumen penting berkaitan Cadangan Belanjawan Eksekutif, iaitu Anggaran Hasil dan Perbelanjaan di laman sesawang rasmi kerajaan negeri. Justeru, orang awam tiada akses terhadapnya. Disebabkan masalah ini, perincian belanjawan tidak dapat diketahui lanjut, lantas skor negeri tersebut menjadi rendah

Jadual 2: Kebolehcapaian Awam Terhadap Semua Dokumen Penting Berkaitan Belanjawan Negeri

Negeri	EBP (2024)			Belanjawan Untuk Rakyat	EB (2024)	YER (2022)	AR (2021)	Jumlah Negeri
	Teks Ucapan	Anggaran Belanjawan	RUU Perbekalan					
Johor	✓	✓	✗	✓	✗	✗	✓	4/7
Kedah	✗	✗	✗	✓	✗	✗	✓	2/7
Kelantan	✗	✗	✗	✓	✗	✗	✓	2/7
Melaka	✓	✓	✗	✓	✗	✓	✓	5/7
Negeri Sembilan	✓	✓	✗	✓	✗	✓	✓	5/7
Pahang	✓	✗	✗	✓	✗	✗	✓	3/7
Perak	✓	✓	✗	✓	✗	✗	✓	5/7
Perlis	✓	✗	✗	✓	✗	✗	✓	3/7
Pulau Pinang	✓	✗	✗	✓	✗	✓	✓	4/7
Sabah	✓	✓	✗	✗	✗	✓	✓	4/7
Sarawak	✓	✓	✗	✓	✗	✗	✓	3/7
Selangor	✓	✓	✗	✓	✗	✓	✓	4/7
								5/7

Negeri	EBP (2024)			Belanjaan Untuk Rakyat	EB (2024)	YER (2022)	AR (2021)	Jumlah Negeri
	Teks Ucapan	Anggaran Belanjaan	RUU Perbekalan					
Terengganu	✓	✓	✓	✓	✓	✗	✓	6/7
Total	11/13	7/13	1/13	12/13	1/13	6/13	13/13	

Nota:

EBP: Cadangan Belanjaan Eksekutif

EB: Enakmen Perbekalan

YER: Laporan Akhir Tahun

AR: Laporan Audit



Dokumen tidak boleh diakses oleh orang awam



Dokumen boleh diakses oleh orang awam.

Dokumen tersebut mestilah boleh dicapai secara dalams talian dalam tempoh masa yang ditetapkan, barulah ia akan direkodkan mengikut metodologi soal selidik.

Cadangan Belanjaan Eksekutif (EBP)

Lajur kedua dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa dokumen EBP, secara relatifnya, adalah boleh diakses dengan meluas. 11/13 buah negeri telah memastikan bahawa sekurang-kurangnya Teks Ucapan Belanjaan boleh diakses oleh orang awam. Akses kepada anggaran Hasil dan Perbelanjaan negeri adalah kurang boleh diakses, kerana hanya 7 negeri sahaja yang menerbitkan anggaran tersebut. Selain itu, hanya satu negeri iaitu Terengganu yang menyediakan Rang Undang-undang Perbekalan sepanjang proses penilaian MyOBI kali ini. Namun, hampir semua negeri menerbitkan maklumat belanjaan versi “mesra rakyat,” iaitu perincian belanjaan negeri dalam bentuk yang diringkaskan. Ia diterbitkan dalam bentuk dokumen atau infografik yang dimuat naik di akaun media sosial rasmi kerajaan negeri, DUN, atau Badan Eksekutif negeri. Hanya negeri Sabah yang menjadi pengecualian kerana mereka tidak menerbitkan dokumen belanjaan negeri dalam versi “mesra rakyat.”

Di sini, adalah penting untuk dijelaskan tentang proses mengukur ketepatan waktu. Meskipun dokumen yang paling boleh diakses dan dicapai oleh rakyat ialah EBP, tiada satu negeri pun yang telah menerbitkan dokumen EBP mereka sekurang-kurangnya 2 bulan sebelum bermulanya tahun fiskal yang berikutnya. Syarat ini merupakan amalan terbaik yang telah ditetapkan oleh Tinjauan Belanjaan Terbuka (OBS). Banyak negeri yang hanya menerbitkan dokumen EBP mereka selepas belanjaan tersebut diluluskan. Pada masa yang sama, adalah penting untuk dinyatakan bahawa tiada satu negeri pun yang menerbitkan dokumen EBP mereka sebelum tarikh akhir yang telah kami tetapkan, iaitu sebelum 1 November 2023 untuk Belanjaan 2024. Kerajaan negeri tersebut lazimnya menunggu pembentangan Belanjaan 2024 oleh Kerajaan Persekutuan yang telah dibentangkan pada 13 Oktober 2023 dahulu.

Penerbitan dokumen EBP adalah penting kerana ia mengandungi maklumat melibatkan dana awam dan keutamaan perbelanjaan negeri. Justeru, pihak kerajaan negeri patut berusaha supaya dokumen tersebut boleh diakses secara bebas seawal mungkin sebelum belanjaan tersebut diluluskan. Sekurang-kurangnya, ia patut diterbitkan pada hari Menteri Besar / Ketua Menteri membentangkan usul belanjaan tersebut di dalam sidang DUN.

Enakmen Perbekalan (EB)

Berbanding teks EBP, terdapat lebih sedikit bilangan negeri yang menerbitkan dokumen EB. Dokumen ini merujuk kepada Enakmen Perbekalan dan Ordinan Perbekalan di negeri masing-masing. Dalam proses

penilaian MyOBI ini, hanya negeri Terengganu yang memberi akses dokumen ini kepada orang awam di dalam laman sesawang rasminya. Dokumen ini perlu ada kerana ia merupakan teks belanjawan autoritatif yang telah diluluskan di dalam sidang DUN. Apabila ia dibandingbezakan dengan teks Rang Undang-undang Perbekalan, kita boleh memastikan sama ada pihak DUN telah meminda mana-mana bahagian dalam usul belanjawan 2024. Ia memperincikan had perbelanjaan kerajaan negeri mengikut jabatan atau Kementerian (dalam kes Sabah dan Sarawak) masing-masing.

Laporan Akhir Tahun (YER)

Dokumen YER biasanya tidak boleh diakses secara meluas seperti dokumen EBP. Hanya 7 buah negeri yang membuka akses kepada dokumen YER ini. Dokumen ini merupakan Penyata Kewangan yang merekodkan butiran hasil dan perbelanjaan sebenar. Maklumat tersebut boleh dijadikan perbandingan dengan anggaran hasil dan peruntukan belanjawan yang dibentangkan dalam EBP sebelum itu. Dokumen YER juga melaporkan aktiviti kewangan pihak kerajaan negeri dan kedudukan kewangan bagi akaun penting kerajaan negeri seperti Kumpulan Wang Disatukan dan Kumpulan Wang Amanah Awam. Aspek penilaian ini turut melihat ketepatan waktu dalam menerbitkan dokumen YER. Secara umumnya, terdapat banyak ruang penambahbaikan kerana hanya negeri Perak yang berjaya menerbitkan dokumen YER ini dalam tempoh 9 bulan selepas berakhirnya tahun belanjawan yang dirujuk oleh laporan tersebut. Tambahan pula, dokumen YER ini boleh diperbaiki lagi dari sudut kandungannya. Pada masa kini, ia merupakan sebuah penyata kewangan yang menyenaraikan maklumat kewangan tanpa menghuraikan hasil perbelanjaan atau naratif dasar negeri tersebut di sebalik keutamaan perbelanjaan dan sumber hasil yang ia perolehi. Maklum balas daripada beberapa pemegang taruh kerajaan turut menunjukkan betapa beberapa buah negeri bergantung kepada Laporan Audit (AR) untuk menerbitkan YER masing-masing, bahkan turut melihat kedua-dua dokumen tersebut sebagai serupa. Atas sebab itu, penerbitan dokumen YER lebih dipandang remeh.

Pihak kerajaan negeri wajar melihat dokumen YER sebagai satu peluang untuk mempamerkan dan menyampaikan hasil daripada usaha perbelanjaan mereka sendiri. Sebuah dokumen YER yang konsisten dengan naratif dasar kerajaan negeri tersebut mampu mengukuhkan keyakinan rakyat. Hal ini kerana, ia menunjukkan betapa negeri itu telah melaksanakan dasar-dasarnya dengan baik dalam tahun belanjawan tersebut. Selain itu, ia juga dapat menyampaikan maklumat tentang dasar fiskal negeri itu sendiri. Dasar fiskal ini penting supaya peranan pemantauan oleh pihak DUN dapat dijalankan dengan lancar.

Laporan Audit (AR)

Dokumen yang paling dapat diakses oleh orang awam ialah Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang disediakan oleh Pejabat Ketua Audit Negara. Ia turut boleh diakses di laman sesawang Jabatan Audit Negara (JAN) dan Parlimen Malaysia. Semua negeri memiliki dokumen ini, dan perkara ini ialah perkembangan yang memberangsangkan kerana maklumat yang terdapat dalam laporan tersebut memperincikan perbelanjaan dan hasil kerajaan negeri, pelaburan, serta aktiviti oleh badan berkanun negeri. Di samping itu, dokumen tersebut turut mendedahkan isu berkaitan aktiviti dan projek yang dijalankan oleh entiti kerajaan yang terbabit. Hal ini dapat menjamin tahap ketelusan dan akauntabiliti yang lebih kukuh.

Pun begitu, laporan tersebut biasanya tidak boleh dimuat turun daripada laman sesawang rasmi kerajaan negeri. Tambahan pula, terdapat bukti yang sedikit bahawa laporan tersebut dibentangkan dalam sidang

DUN kerana hanya 8 buah negeri sahaja yang menerbitkan Penyata Rasmi (*hansard*) mesyuarat. Penyata Rasmi ialah rekod rasmi tentang semua perkara yang dibahaskan di dalam DUN.

Namun, daripada dua jenis dokumen berkaitan belanjawan yang dapat diakses oleh orang awam, hanya Laporan Audit sahaja yang diterbitkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Jadual 3: Tarikh Penerbitan Dokumen EBP

Tarikh Penerbitan	Negeri
Terbit sebelum 31 Oktober 2023	Tiada
Terbit antara 1 - 30 November 2023	<ul style="list-style-type: none"> • Pulau Pinang • Selangor • Terengganu • Sabah • Sarawak • Kedah
Terbit selepas 30 November 2023	<ul style="list-style-type: none"> • Johor • Kelantan • Melaka • Negeri Sembilan • Pahang • Perak • Perlis

2. Pemantauan


Skor Pemantauan merujuk kepada ukuran sejauh mana peranan DUN dalam proses belanjawan. Hal ini termasuk memantau ketepatan waktu untuk membenteng belanjawan negeri supaya adanya masa yang cukup untuk menyemak dan membahaskan belanjawan tersebut. Selain itu, pemantauan mestilah dibuat terhadap berapa kalikah persidangan DUN dapat dijalankan, adakah maklumat boleh diakses oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri (PAC), dan adakah pihak DUN sendiri telah menjalankan semakan menyeluruh terhadap Laporan Audit sebelum ini mengikut tempoh waktu yang telah ditetapkan.

Purata Skor Pemantauan telah mencatatkan peningkatan daripada 34 mata dalam penilaian MyOBI tahun 2022 kepada 50 mata. Hal ini disebabkan adanya penambahbaikan dalam menjaga ketepatan waktu membenteng belanjawan dan meningkatnya jumlah sesi sidang DUN. Namun, peningkatan mata dalam Skor Pemantauan ini mungkin juga disebabkan oleh pengurangan kawalan COVID-19. Kawalan tersebut masih dijalankan sepanjang tempoh penilaian bagi laporan MyOBI 2022 (melibatkan perbincangan belanjawan yang berjalan pada tahun 2021).

Secara keseluruhan, terdapat banyak lagi ruang penambahbaikan terhadap peranan DUN dalam menjalankan proses pemantauan kerana peranan tersebut masih boleh dianggap lemah. Tambahan pula, disebabkan struktur Persekutuan Malaysia yang berat ke arah pemerintahan pusat, kerajaan negeri amat bergantung kepada dana daripada Kerajaan Persekutuan. Hal ini memberi impak kepada ketepatan waktu pembentangan belanjawan negeri, apabila ia hanya boleh dilakukan selepas Belanjawan Kerajaan Persekutuan dibentangkan pada bulan Oktober.

Kebanyakan negeri menyelesaikan perbincangan belanjawan masing-masing menjelang pengakhiran minggu pertama bulan Disember. Satu-satunya pengecualian dalam amalan ini ialah negeri Perlis yang menyelesaikan perbincangan belanjawan mereka seminggu kemudian, iaitu pada penghujung minggu kedua bulan Disember. Namun, hakikatnya, pihak DUN tidak mempunyai masa yang cukup untuk membahaskan belanjawan, kerana secara puratanya, hanya 5 hari diperuntukkan untuk perbincangan tersebut sebelum ia diluluskan. Tambahan pula, pihak PAC di kebanyakan negeri tidak menerbitkan laporan masing-masing secara dalam talian, lalu menyukarkan orang awam untuk memastikan sama ada pihak PAC telah bermesyuarat atau tidak demi menyemak laporan audit terkini.

Graf 2: Skor Pemantauan Mengikut Negeri



Selangor, Terengganu, dan Sabah sama-sama memperoleh skor pemantauan dengan nilai tertinggi. Hal ini kerana, negeri-negeri tersebut mendapat skor terbaik dari aspek ketepatan waktu dalam pembentangan dan kelulusan belanjawan negeri. Aspek ketepatan waktu itu juga terpakai terhadap pembentangan Laporan Audit kepada sidang DUN. Ketepatan waktu untuk membentangkan Laporan Audit juga boleh dipastikan kerana negeri-negeri ini membuka akses kepada Penyata Rasmi sidang DUN kepada orang awam. Perkara ini memungkinkan butiran usul yang dibentangkan, perbincangan, dan usul yang diluluskan di DUN boleh dianalisis oleh orang awam. Tambahan pula, Selangor memiliki rekod-rekod terkini tentang jawatankuasa-jawatankuasa khas yang penting seperti Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri (PAC). Rekod mesyuarat PAC bersama-sama butir perbincangan ketika mesyuarat tersebut turut boleh dimuat turun.

Negeri **Perak** dan **Perlis** sama-sama mendapat skor terendah dalam kategori ini kerana kedua-dua negeri tersebut tidak menepati waktu dalam meluluskan belanjawan masing-masing. Selain itu, kedua-dua negeri tersebut juga tidak menyediakan maklumat tentang pembentangan Laporan Audit di DUN atau mesyuarat PAC di laman sesawang rasmi kerajaan negeri. Malah, kedua-dua negeri turut tidak membuka akses orang awam terhadap Penyata Rasmi persidangan DUN masing-masing, lantas menjadikan proses memantau bilangan sidang DUN, hal-hal yang dibahaskan, atau usul yang diluluskan dalam sidang-sidang tersebut sukar dilakukan.

Jadual 4: Kewujudan Penyata Rasmi (Hansard) dan Maklumat Aktiviti PAC Ketika Berlangsungnya Sidang DUN

Negeri	Kewujudan Penyata Rasmi (Hansard) DUN	Kewujudan Strim Langsung Sidang DUN	Maklumat Aktiviti Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri (PAC)
Johor	✓	~**	✗
Kedah	✗	✓	✗
Kelantan	✓	✓	✗
Melaka	✗	✓	✗
Negeri Sembilan	✓	✓	✗
Pahang	✓	~**	✗
Perak	✗	✓	✗
Perlis	✗	✓	✗
Pulau Pinang	✓	✓	✗
Sabah	✓	✓	✗
Sarawak	~*	✓	✗
Selangor	✓	✓	✓
Terengganu	✓	✓	✗

Notes:

~* Dipadam selepas sebulan persidangan DUN sebelumnya berakhir.


~** Strim langsung hanya dijalankan ketika ucapan pembentangan belanjawan tahunan di DUN.

Terdapat sembilan buah kerajaan negeri yang menyediakan Penyata Rasmi DUN masing-masing. Penyata tersebut menjadi rekod tentang semua perkara yang dibahaskan dalam setiap sesi persidangan berserta nama ADUN yang menghadirinya. Daripada kesemua negeri yang menyediakan akses kepada Penyata Rasmi, hampir semua negeri menyediakan Penyata Rasmi terkini sehingga sidang DUN yang terakhir dijalankan sehingga selesai. Hanya negeri Kelantan dan Negeri Sembilan yang menjadi pengecualian. Di laman sesawang kedua-dua negeri tersebut, rekod-rekod tentang sidang DUN yang terakhir selesai bersidang adalah sama ada tidak lengkap atau tidak wujud langsung.

Hampir semua kerajaan negeri turut menjalankan strim langsung setiap kali DUN bersidang, kecuali negeri Johor dan Pahang yang hanya menstrim ucapan pembentangan belanjawan sahaja. Kewujudan

strim langsung akan membolehkan orang awam untuk menonton sidang DUN dan mengetahui perkara yang sedang dibahaskan ketika itu. Di samping itu, ia juga dapat menjadi sebuah arkib yang boleh diakses selama mana video tersebut masih kekal berada di mana-mana platform media sosial (seperti Facebook atau YouTube) sejak daripada detik ia distrim langsung. Namun, sistem sebegini masih tidak sempurna kerana ia bukanlah sebuah arkib yang sistematik untuk video sidang DUN. Jika seseorang ingin mencari perkara spesifik yang dibahaskan pun, adalah sukar untuk mencarinya melalui media sosial.

Graf 3: Bilangan Hari Berlangsungnya Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pada Tahun 2021 dan 2023




Secara keseluruhan, bilangan hari yang melibatkan sidang DUN di setiap negeri adalah tidak mencukupi untuk Badan Legislatif tersebut menjalankan fungsi pemantauan secara efektif terhadap kerajaan negerinya. Hal ini termasuklah fungsi menilai setiap usul seperti usul belanjawan negeri yang dibentangkan di DUN. Setiap negeri menjalankan sekurang-kurangnya tiga sesi sidang DUN, dan setiap sesi dijalankan dengan durasi berbeza. Sebilangan negeri seperti Perlis, Melaka, dan Kelantan, menjalankan sesi kedua pada pertengahan tahun yang hanya melibatkan tempoh selama 2-3 hari. Tempoh sependek ini adalah tidak mencukupi untuk para ADUN menjalankan penelitian yang berkesan terhadap butiran perbahasan. Secara purata, setiap DUN menjalankan persidangan masing-masing selama kira-kira 12 hari meliputi tiga sesi sepanjang tahun 2023. Malah, terdapat juga kes apabila proses meluluskan EBP menjadi tertangguh di kebanyakan negeri. Secara purata, banyak DUN yang hanya meluluskan usul belanjawan pada kira-kira sebulan sebelum bermulanya Tahun Belanjawan berikutnya.

Meskipun setiap negeri dilaporkan menjalankan tiga sesi persidangan pada tahun 2023, beberapa negeri seperti Kedah, Melaka, Perak Perlis, dan Sarawak tidak melaporkan maklumat masing-masing pada tarikh sesi persidangan DUN berlangsung. Dalam kes sedemikian, para penyelidik terpaksa mencari maklumat tentang persidangan DUN tersebut melalui laporan media dan strim langsung persidangan yang dimuat naik di media sosial oleh akaun rasmi kerajaan negeri.

Perkembangan ini ialah satu peningkatan berbanding tahun 2021. Pada tahun 2021, purata jumlah hari persidangan DUN hanyalah sebanyak 9 hari. Pun begitu, bilangan ini masih amat sedikit jika dibandingkan dengan jumlah hari persidangan Parlimen Malaysia. Sidang Dewan Rakyat berlangsung selama 80 hari manakala sidang Dewan Negara pula selama 32 hari. Kesemua sesi tersebut dijalankan meliputi tiga sesi biasa dan satu sesi khas.

Bukan itu sahaja, kekurangan pemantauan dan laporan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri (PAC) turut perlu diberi perhatian. Selangor ialah satu-satunya negeri yang menerbitkan laporan tentang mesyuarat PAC di laman sesawang rasmi Dewan Negeri Selangor. Namun, negeri tersebut masih tidak menerbitkan rekod sama ada pihak PAC telah menyemak Laporan Audit tahun 2021. Laporan Audit terakhir yang diteliti oleh pihak PAC negeri tersebut ialah laporan tahun 2019 yang dibincangkan pada tahun 2022. Kesemua 12 buah negeri lain tidak menerbitkan maklumat terperinci tentang jawatankuasa-jawatankuasa pilihan, khususnya proses semakan dan laporan yang dijalankan oleh pihak PAC. Pun begitu, sebilangan negeri tetap menerbitkan senarai ahli PAC mereka dalam laman sesawang rasmi DUN masing-masing.

Graf 4: Peratusan Jumlah Hari Persidangan DUN Untuk Membahaskan Belanjawan Negeri



Jadual 5: Jumlah Hari Perbahasan EBP oleh Para ADUN

Negeri	Bilangan Hari	Tarikh Dibentang	Tarikh Diluluskan
Johor	7	23 November 2023	3 Disember 2023
Kedah	5	26 November 2023	30 November 2023
Kelantan	5	22 November 2023	28 November 2023
Melaka	3	27 November 2023	29 November 2023
Negeri Sembilan	4	1 Disember 2023	6 Disemberr 2023
Pahang	4	4 Disember 2023	8 Disember 2023
Perak	5	1 Disember 2023	7 Disember 2023
Perlis	3	12 Disember 2023	14 Disember 2023
Pulau Pinang	5	24 November 2023	30 November 2023
Sabah	5	24 November 2023	30 November 2023
Sarawak	8	20 November 2023	29 November 2023
Selangor	9	14 November 2023	24 November 2023
Terengganu	4	27 November 2023	30 November 2023

Meskipun setiap DUN menjalankan tiga kali persidangan setiap tahun, jumlah hari yang digunakan untuk benar-benar bersidang adalah amat berbeza mengikut negeri masing-masing. Selangor mencatatkan jumlah hari bersidang tertinggi iaitu selama 21 hari, jauh berbeza jika dibandingkan dengan Kelantan dan Perlis yang bersidang selama hanya 8 hari. Secara purata, sidang DUN dijalankan selama kira-kira 12 hari sahaja dalam setahun, dan 5 hari daripadanya diperuntukkan untuk membahaskan belanjawan negeri. Maka, di 4 buah negeri, 45% daripada jumlah hari persidangan mereka digunakan hanya untuk membahaskan belanjawan. Peratusan ini adalah tertinggi di Kelantan, apabila 62.5% daripada jumlah hari untuk sidang DUN digunakan semata-mata untuk membahaskan belanjawan negeri.

3. Penglibatan Awam

Aspek Penglibatan Awam mengukur kemampuan masyarakat awam dan organisasi masyarakat sivil untuk berperanan secara aktif dalam proses belanjawan negeri. Untuk tujuan itu, kebolehcapaian mereka terhadap maklumat belanjawan negeri oleh sama ada pihak kerajaan negeri mahupun pihak DUN adalah penting dan turut diukur. Penglibatan awam boleh berlaku dalam bentuk borang maklum balas dalam talian, forum awam, dan sesi pendengaran awam yang diuruskan oleh jawatankuasa di DUN. Kemudian, bentuk penglibatan awam yang lebih mendalam pula termasuklah penglibatan awam dalam proses merangka belanjawan (participatory budgeting). Melalui proses ini, rakyat bersama-sama organisasi masyarakat sivil boleh menyediakan cadangan tentang projek dan perbelanjaan kerajaan, lalu cadangan tersebut dikumpul dan dibahaskan secara sistematik oleh pihak kerajaan. Di peringkat permulaan sekarang, soal selidik MyOBI hanya akan menilai kewujudan bentuk penglibatan awam yang asas dahulu melalui penelitian terhadap saluran maklum balas rakyat atau mesyuarat libat urus rasmi sedia ada.

Di bahagian Penglibatan Awam, ada beberapa negeri yang telah pun memulakan inisiatif membuka peluang untuk orang awam dan organisasi masyarakat sivil terlibat secara aktif. Hal ini termasuklah dalam proses merangka dan membincangkan belanjawan negeri. Berdasarkan penemuan pihak kami,

kerajaan negeri masih tidak mempunyai saluran maklum balas orang awam semasa proses belanjawan berlangsung. Hanya ada beberapa negeri saja yang terkecuali daripada masalah ini. Akan tetapi, seperti yang telah disebutkan sebelum ini, terdapat proses penyampaian maklumat yang mencukupi mengenai prosiding sidang belanjawan melalui saluran media sosial rasmi kerajaan negeri seperti di Facebook, YouTube, Instagram, dan X (dikenali sebagai Twitter sebelum ini). Setiap negeri turut menstrim langsung sesi pembentangan belanjawan negeri dan perbahasan usul tersebut di DUN. Usaha ini dapat memastikan tahap ketelusan yang lebih baik dan orang awam turut dapat melakukan penilaian terhadap usul tersebut.

Buat masa sekarang, bahagian ini tidak diletakkan skor. Pihak kami berhasrat untuk melihat penambahbaikan dilakukan dari semasa ke semasa dalam aspek ini. Hal ini bagi memastikan orang awam dapat mencapai lebih banyak maklumat tentang perkara yang dilakukan oleh kerajaan negeri masing-masing. Bukan itu sahaja, mereka juga dapat melibatkan diri dalam proses pentadbiran dengan lebih bermakna. Rakyat mesti berperanan dalam pemerintahan, bukan sekadar menjadi penonton semata-mata.

Jadual 6: Kewujudan Saluran Penglibatan Awam Dalam Proses Belanjawan

Negeri	Penglibatan Awam - Merangka Belanjawan (DUN)	Penglibatan Awam - Pelaksanaan Belanjawan (DUN)	Penglibatan Awam – Merangka Belanjawan (Kerajaan Negeri)	Penglibatan Awam – Pelaksanaan Belanjawan (Kerajaan Negeri)
Johor	✗	✗	✗	✗
Kedah	✗	✗	✗	✗
Kelantan	✗	✗	✗	✗
Melaka	✓	✗	✗	✗
Negeri Sembilan	✗	✗	✓	✓
Pahang	✗	✗	✓	✓
Perak	✗	✗	✗	✗
Perlis	✗	✗	✗	✗
Pulau Pinang	✗	✗	✗	✗
Sabah	✗	✗	✗	✗
Sarawak	✗	✗	✗	✗
Selangor	✗	✗	✓	✗
Terengganu	✓	✗	✓	✗

Model penglibatan awam dalam proses belanjawan

Penglibatan awam adalah penting untuk memastikan proses belanjawan menjadi berkesan di peringkat Badan Legislatif dan Badan Eksekutif. Proses penglibatan awam yang bermakna lagi inklusif hendaklah memenuhi ciri-ciri berikut:

1. Orang awam diberikan maklumat yang mencukupi mengikut topik khusus supaya mereka dapat memberi maklum balas sebelum perancangan belanjawan
2. Platform untuk melibatkan diri adalah terbuka dan boleh diakses oleh semua orang
3. Terdapat pengesahan bahawa cadangan belanjawan yang disampaikan oleh orang awam diterima dan diambil maklum oleh pihak berwajib
4. Terdapat usaha untuk mendapatkan pandangan daripada kelompok yang kurang representasi mereka atau golongan rentan

Pada tahun 1993, *Canada's House of Commons Standing Committee on Finance* telah melancarkan amalan konsultasi pra-belanjawan. Setiap tahun, ia mengundang pelbagai pertubuhan dan individu untuk menyuarakan pandangan masing-masing tentang belanjawan tahunan yang bakal dirangka. Mereka dapat melakukannya sama ada melalui perjumpaan bersemuka atau menghantar pendapat masing-masing secara dalam talian (GIFT, 2021). Program tersebut turut menjalankan sesi libat urus bersama orang awam di pelbagai bandar, menerbitkan ringkasan setiap saranan, dan merekodkan testimoni awam di laman sesawang mereka. Usaha sebegini telah membuka ruang kepada orang awam untuk mengesahkan saranan belanjawan yang telah mereka serahkan sebelum itu (GIFT, 2021; House of Commons Canada). Penyertaan orang awam dalam program tersebut menunjukkan peningkatan sejak tahun 2020. Pada tahun 2024, Jawatankuasa tersebut telah menerima 858 buah ringkasan saranan dan 176 buah testimoni awam. Angka ini ialah jumlah serahan tertinggi setakat ini (House of Commons Canada, 2024). Model negara Kanada ini merupakan contoh yang cemerlang untuk diterapkan di Malaysia. Hal ini kerana, Malaysia masih kekurangan mekanisme rasmi untuk memastikan adanya penglibatan awam di kedua-dua peringkat, iaitu Parlimen dan DUN.

Dari perspektif Badan Eksekutif, pihak Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) memang menyediakan platform untuk penglibatan awam dalam merangka belanjawan di peringkat persekutuan. Dalam proses merangka belanjawan tersebut, MOF menyediakan portal dalam talian untuk 400 buah organisasi bukan kerajaan (NGO) supaya mereka dapat menyerahkan memorandum belanjawan masing-masing. Namun, portal tersebut tidak dapat diakses oleh orang awam. (IBP, 2024). Pihak MOF turut menjalankan sesi konsultasi awam dan menerbitkan Kertas



Konsultasi Awam (PCP) tentang unjuran hasil serta perbelanjaan projek awam (IBP, 2024). Orang awam boleh menyerahkan maklum balas tentang pelaksanaan belanjawan menerusi borang dalam talian. Akan tetapi, masih tidak ada saluran untuk mengesahkan sama ada maklum balas orang awam tersebut telah diambil kira oleh pihak MOF, dan usaha untuk merangkumi kumpulan yang lemah representasi boleh diperbaiki (IBP, 2024).

Di Filipina, pihak *Regional Development Councils (RDCs)* dan *Regional Project Monitoring Committee (RPMC)* terlibat untuk memudah cara proses penglibatan awam di peringkat daerah masing-masing. Kedua-dua badan melibatkan wakil dari sektor swasta dan bukan berasaskan keuntungan. Pihak RDCs bertanggungjawab menyemak belanjawan bagi agensi daerah tempatan, manakala pihak RPMC akan memantau pelaksanaannya (IBP, 2024). Pihak RPMC juga mengelola *Extractive Industries Transparency Initiative (EITI)* dan mengendalikan forum untuk menggalakkan libat serta rakyat dalam proses pengumpulan hasil (IBP, 2024).

Disumbang oleh: Pariyakorn (Mai) Kasemsawade

Saranan

Berikut ialah saranan untuk meningkatkan mutu bagi tahap kebolehcapaian awam, dedahan maklumat kepada awam, dan pemantauan berpandukan dapatan yang diperolehi melalui proses penilaian oleh pihak kami:

Saranan Untuk Penambahbaikan Tahap Kebolehcapaian Awam

1. Ketepatan Waktu Penerbitan Dokumen EBP.

The state government should make the availability of EBP documents such as the budget speech Pihak kerajaan negeri wajar membuka capaian terhadap dokumen EBP khususnya teks ucapan belanjawan bersama-sama anggaran hasil serta perbelanjaan. Maklumat tersebut diterbitkan pada hari yang sama dengan pembentangan belanjawan oleh pihak kerajaan negeri dan sebelum ia dibahaskan oleh para ADUN di DUN masing-masing.

Negeri yang lewat menerbitkan dokumen tersebut, atau tidak menerbitkannya langsung seperti Kedah dan Pahang boleh meningkatkan skor masing-masing secara signifikan dengan cara memastikan penerbitan dokumen EBP tepat pada waktunya.

2. Kebolehcapaian Terhadap Semua Dokumen EBP, khususnya Anggaran Belanjawan.

Pihak kerajaan negeri wajar membuka capaian secara bebas kepada semua orang untuk mengakses anggaran hasil dan perbelanjaan kerajaan negeri secara dalam talian. Data ini ialah komponen terpenting bagi dokumen EBP dan ia dapat menjadi panduan untuk orang awam tentang butiran hasil dan perbelanjaan serta keutamaan perbelanjaan negeri tersebut pada waktu itu.

3. Perincian Bagi Butiran Perbelanjaan Negeri

Pihak kerajaan negeri hendaklah memastikan supaya laporan tentang perbelanjaan negeri adalah cukup terperinci. Ia sepatutnya menunjukkan pecahan peruntukan yang diklasifikasikan mengikut sektor ekonomi, pentadbiran, dan sektor-sektor lain.

4. Perincian Bagi Butiran Hasil Negeri

Pihak kerajaan negeri hendaklah memastikan supaya laporan tentang hasil negeri adalah cukup terperinci demi meningkatkan mutu maklumat yang disampaikan kepada rakyat. Disebabkan rakyat lebih bermaklumat tentang isu perubahan iklim kini, anggaran hasil yang terperinci boleh menjadi rujukan tentang berapa banyakkah hasil negeri dari sumber seperti pembalakan atau perlombongan yang memberi kesan negatif kepada alam sekitar.

Saranan Untuk Penambahbaikan Proses Pemantauan

1. Menambah jumlah hari bersidang di DUN

Pihak DUN hendaklah menambah jumlah hari persidangan dalam satu sesi supaya adanya tempoh yang lebih panjang untuk menilai dan memantau dasar sedia ada dengan lebih berkesan. Tempoh ini juga boleh digunakan untuk membahaskan dan menimbang tara butiran dalam belanjawan negeri.

2. Pembentangan EBP Yang Menepati Waktu

Dokumen EBP sepatutnya dibentangkan awal, sekurang-kurangnya 2 bulan sebelum berakhirnya tahun tersebut, secara idealnya. Hal ini bagi memastikan adanya tempoh waktu yang mencukupi untuk para ADUN menimbang tara dan membahaskan belanjawan tersebut.

3. Membuka Akses Kepada Rekod Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri (PAC)

Rekod PAC hendaklah dipastikan boleh diakses oleh orang awam. Ia termasuklah maklumat terkini dan terbuka tentang PAC seperti rekod mesyuarat bersama-sama senarai anggota PAC sedia ada.

4. Membuka Akses Kepada Penyata Rasmi dan Jadual Sesi Persidangan

Penyata Rasmi (*hansard*) merekodkan soalan dan butir perbahasan di dalam DUN. Jika orang awam boleh mengakses maklumat ini, tahap pemantauan akan menjadi lebih baik. Hal ini kerana, akan terdapatnya tahap keterlibatan orang awam, pengetahuan orang awam terhadap program negeri, maklumat tentang inisiatif yang dibahaskan di DUN, dan proses belanjawan yang lebih mendalam.

Saranan Untuk Penambahbaikan Penglibatan Awam

1. Menyediakan saluran untuk orang awam memberi pendapat tentang keutamaan belanjawan

Pihak kerajaan negeri hendaklah menyediakan satu wahana untuk membolehkan orang awam memberi komentar tentang keutamaan belanjawan mereka masing-masing dan butiran yang mereka harapkan dapat dimasukkan ke dalam belanjawan negeri. Saluran ini boleh diwujudkan melalui borang dalam talian atau di laman sesawang tertentu.

2. Forum dan mesyuarat bersama orang awam

Pihak kerajaan negeri hendaklah menjalankan forum dan mesyuarat bersama orang awam untuk menyampaikan maklumat tentang belanjawan negeri yang bakal dirangka. Pihak kerajaan negeri juga wajar memudah cara dialog untuk para pemegang taruh menyampaikan pendapat masing-masing tentang belanjawan tersebut. Usaha ini juga boleh disokong melalui adanya saluran secara dalam talian supaya orang awam dapat menyampaikan cadangan mereka tentang butiran belanjawan.

3. Menyediakan mekanisme untuk penglibatan awam semasa proses pelaksanaan belanjawan

Pihak kerajaan negeri sepatutnya menyediakan mekanisme yang membolehkan orang awam untuk memberi komentar dan input semasa proses pelaksanaan belanjawan negeri tersebut. Hal ini bagi memastikan orang awam mampu mendesak akauntabiliti terhadap kerajaan negeri jika terdapatnya penyelewengan atau penyalahgunaan dana awam.

4. Jawatankuasa Pilihan DUN

Pihak DUN hendaklah memainkan peranan yang lebih aktif dengan cara membentuk Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan yang berkuasa memanggil para penjawat awam negeri dan menjalankan sesi pendengaran awam bersama rakyat serta organisasi masyarakat sivil yang diundang untuk memberikan maklum balas masing-masing.

Senarai Rujukan:

Ferreira, R., & Guerrero, J. P. (2022). *Guide on Advancing Fiscal Transparency for Development*. Global Initiative for Fiscal Transparency (GIFT). <https://fiscaltransparency.net/wp-content/uploads/2023/02/Guide-on-Advancing-Fiscal-Transparency-for-Development.pdf>

Global Initiative for Fiscal Transparency (GIFT). (2021). *Canada: The House of Commons Standing Committee of Finance pre-budget consultation exercise*. Retrieved June 25, 2024, from <https://fiscaltransparency.net/canadathe-house-of-commonsstanding-committee-of-finance-pre-budget-consultation-exercise/>

House of Commons Canada. (n.d.). *How to Participate in The Work of The Committee*. Retrieved June 25, 2024, from <https://www.ourcommons.ca/Committees/en/Participate>

House of Commons Canada. (2024). *Report 16: Pre-budget consultations in advance of the 2024 budget*. Retrieved June 25, 2024, from <https://www.ourcommons.ca/committees/en/FINAL/StudyActivity?studyActivityId=12173416>

International Budget Partnership (IBP). (2024, May). *Open Budget Survey 2023: Questionnaire - Malaysia*. Retrieved June 25, 2024, from <https://internationalbudget.org/sites/default/files/2024-05/malaysia-202405131333.pdf>

International Budget Partnership (IBP). (2024, May). *Open Budget Survey 2023: Questionnaire - Philippines*. Retrieved June 25, 2024, from <https://internationalbudget.org/sites/default/files/2024-05/philippines-202405131333.pdf>

Lampiran

Garis Masa Penilaian MyOBI

Aktiviti	Tarikh
Latihan para penyelidik	Oktober 2023
Para penyelidik mencari maklumat serta dokumen yang dapat diakses untuk menyelesaikan proses penilaian	Disember 2023
Permohonan bertulis dihantar kepada pihak kerajaan negeri untuk meminta dokumen yang tidak boleh diakses secara bebas. Pihak kerajaan turut dimaklumkan tentang proses semakan yang sedang berlangsung.	Disember 2023 - Januari 2024
IDEAS memberi maklum balas terhadap soalan para penyelidik untuk memastikan ketepatan sumber dan komentar yang diberikan.	Januari 2024
IDEAS menyemak soal selidik yang telah dilengkapkan sebelum proses pewasitan setara.	Januari 2024
Penilaian yang telah lengkap diwasit oleh para pewasit setara yang bebas.	Februari 2024
IDEAS menyemak hasil pewasitan setara dan berbincang semula dengan para penyelidik jika terdapat jawapan yang berbeza antara satu sama lain.	Mac 2024
IDEAS memuktamadkan skor untuk semua negeri.	May 2024



The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute based in Malaysia dedicated to promoting solutions to public policy challenges. Our vision is :

“A Malaysia that upholds the principles of liberty and justice”

Our mission at IDEAS is to improve the level of understanding and acceptance of public policies based on the principles of rule of law, limited government, competitive markets and free individuals. Our work is independent of vested interests and partisan influences. We have also expanded our work into new areas focussing on our three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. We act as an intellectual centre creating space for cross partisan principles-centric and results-oriented dialogue.

We achieve this by:

- Publishing cutting-edge research
- Initiating dialogues with government, lawmakers, businesses and civil society
 - Providing thought leadership
- Facilitating networking between like-minded individuals
- Organising educational programmes

Please support us by making a donation. You can make a contribution by cheque payable to “IDEAS Policy Research Berhad” or by transfer to our account CIMB 8008852042. We can only survive with your support.

© 2024 IDEAS. All rights reserved.

IDEAS Policy Research Berhad
The Lower Penthouse
Wisma Hang Sam, 1, Jalan Hang Lekir 50000 Kuala Lumpur

www.ideas.org.my
Reg N^o: 1219187-V



Selection of IDEAS' Publications (2023 - 2024)

Policy Ideas

Policy Ideas No. 79 – Asserting Climate Change Leadership in ASEAN: Carbon Pricing for the Malaysian Steel Industry by Prof Dr Renato Lima de Oliveira, Dr. Pieter Stek and Raymond Phang (April 2024)

Policy Paper No 78 – Solidarity Amidst Rarity: Reforms for Equitable and Sustainable Rare Disease Management by Professor Dr. Asrul Akmal Shafie, Kirjane Ngu, Dr. Tuqa Haitham Allayla, Yvonne Tan and Melanie Chan (October 2023)

Policy Paper No 77 – Pantau Laksana: Assessing Malaysia's Transparency and Accountability Initiatives in Implementing Emergency Fiscal Responses by Sri Murniati Yusuf, Alissa Rode and Zhen Ting Low (February 2023)

Policy Paper No 76 – Breast Cancer Care in Malaysia: Access to Early Detection, Diagnosis and Optimal Treatment by Fatiha Hana Shabaruddin and Kirjane Ngu (February 2023)

Brief Ideas

Brief IDEAS No. 40 - Tax Incentives for Political Donations: Lessons for Malaysia by Syazwan Zainal and Tan Wan Ying (December 2023)

Brief IDEAS No. 39 - Competitive Neutrality in the Malaysian Power Sector: Removing Barriers for a Greener and More Innovative Energy Industry by Renato Lima de Oliveira (December 2023)

Brief IDEAS No. 38 – Belt and Road Initiative (BRI) Projects and Information Asymmetry: Engagements with Local Communities in Malaysia by Benjamin YH Loh, Imran Shamsunahar and Jazreen Harith (June 2023)

Report

ASEAN Integration Report 2023 – Advancing Regional Integration: Priorities of the Youth in the AEC Blueprint 2025 by Kirjane Ngu, Laura Zhang, Yvonne Tan, Melanie Chan, Julia Merican, Jazreen Harith, Sharmila Suntherasegarun, Sharanyah Nair, Imran Shamsunahar, and Manoj Joshi (November 2023)

Roadmap

Reforming Our Institutions: Blueprint for Reforms (February 2024)

Policy IDEAS are IDEAS' regular publications that introduce and propose ideas for policy reforms based on analysis of existing policies or best practices.

Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS)
The Lower Penthouse, Wisma Hang Sam, 1, Jalan Hang Lekir 50000 Kuala Lumpur